Latihan Bahasa Melayu Tahun 4 - Unit 14 - Kata Bilangan

Lengkapkan ayat dengan menggunakan kata bilangan tentu dan tak tentu yang betul.

tiga	**semua**	**seluruh**
dua	**beberapa**	**sepuluh**

1. **Monyet itu makan _____ biji pisang di atas pokok.**

2. **Ibu menyidai _____ helai kain pengelap yang dicuci.**

3. **Bapa memasukkan _____ biji bateri lama dalam kotak untuk dihantar ke pusat kitar semula.**

4. **_____ kawasan di sekolah saya tidak panas kerana mempunyai pokok - pokok yang rendang.**

5. **_____ murid berkumpul di padang sekolah setelah loceng dibunyikan.**

6. **Kakak Anis membeli _____ jenis buku latihan Bahasa Melayu untuk membuat ulangkaji.**

LIVEWORKSHEETS